

PENCEROBOHAN HAK ASASI MANUSIA DI
MALUKU: PENYELESAIANNYA
BERDASARKAN SIASAH SYAR'IYYAH

SHARIFAH ANOM BINTI OMAR

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SIASAH SYAR'IYYAH
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002

Perpustakaan Universiti Malaya



A510986115

ABSTRAK

Pencerobohan hak asasi manusia serta keganasan-keganasan yang berlaku di dunia hari ini, merupakan suatu perkara yang bertentangan, samada dengan undang-undang Allah mahupun undang-undang manusia. Namun ia kini menjadi suatu perkara yang lumrah di dengari. Pencerobohan ini tidak mengira bangsa, agama mahupun tempat. Kejadian di Kepulauan Maluku merupakan salah satu daripada ratusan siri pencerobohan hak asasi manusia di dunia. Ia melibatkan dua penganut agama terbesar di Maluku iaitu Islam dan Kristian. Berpunca dari keinginan pihak Kristian untuk menjadikan Kepulauan Maluku sebuah negara Kristian yang merdeka, terpisah dari Kesatuan Republik Indonesia.

Pencerobohan ini telah mengakibatkan kematian, kehilangan harta benda dan ratusan ribu penduduk menjadi pelarian yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua. Walaupun telah banyak deklarasi dan perisytiharan hak asasi manusia disenaraikan di dunia, namun pencerobohan ini menggambarkan kegagalan segala jenis deklarasi ciptaan manusia. Oleh itu, kembali menggunakan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah merupakan jalan terbaik menyelesaikan segala masalah.

ABSTRACT

Violation of human rights and viciousness occurring in this world today derives from contradicting God's rules and human laws. However, it has become a common issues heard. The violation does not reckon race, religion or place. Incident at Maluku Islands shows an example of intrusion of human rights. It involved two major religious followers ie. Islam and Christianity, whereby folowers of Christianity wishing to change the Maluku Islands into Christian colony, separated from Indonesia Republic Association.

This religion violation has caused many deaths, lost of property and millions of population became refugees. These refugees are mainly women, children and the elderly. Eventhough numerous declarations and proclamations of human rights have been listed, nevertheless these religious riots shows a failure in all types of human created declarations. So the best solutions to overcome this problem is to refer back to the principles of human rights that have been indicated in the Holy Quran and al Sunnah.

ملحظ

وان العتداء على الحقوق الانسان والازهاربية التي وقعت
حالية تعتبر معارضة بعضها بعضا. إما انها كانت لدى
قوانين الله وقوانين الانسان. وأن هذه معرفة
ومسموعة. إن الاعتداء لا ينظر الى أى شعب ودين
ومحل. هذه وقعت فعلا فى جزيرة "مالوكو" وهى من احد مائة
الاعتداءت لحقوق الانسان. هذه وقعت بين المسلمين
..معظمهم .. والمسيحيين. وإنها من ارادة المسيحيين الذين
يريدون ان يسيطروا هذه الجزيرة خرية ومستقلة من إتحاد
جمهورية اندونيسيا.

هذه الاعتداء يسبب الموت لإزهاق الروح والاموال والوق
سكان الذين يلجئون الى بلادها واكثرهم الاطفال
والشيخوخة. ولو ان هذا القرار اشتهارا على حقوق الانسان
فى هذه العالم ولكن الاعتداء تصور فشل انواع قرارات
الانسان. من أجل ذلك ترجع الى استعمال مبادئ حقوق
الانسان التى رسمها الله والسنة وهما من أحسن حل
انواع المشاكل.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف
الانبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين. اللهم ارزقنا
يا رب فهم النبيين، وحفظ المرسلين، والهام الملائكة
المقربين في عافية يا أرحم الرحمين، رب زدني علما،
وارزقني فهما.

Alhamdulillah dengan izin serta limpah kurnia Allah s.w.t, penulis telah dapat menyiapkan dan menyempurnakan disertasi yang bertajuk: **PENCEROBOHAN HAK ASASI MANUSIA DI MALUKU: PENYELESAIANNYA BERDASARKAN SIASAH SYAR'IIYAH.**

Pertama sekali penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana memberi peluang kepada penulis melanjutkan pelajaran dan kepada penyelia yang terlalu banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tulisan ini iaitu **Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail**, Ketua Jabatan Siasah Syar'iiyah. Sumbangan dan tunjuk ajar beliau tidak dapat penulis lupakan. Begitu juga kepada tenaga pengajar Kursus Sarjana Syariah sesi 2000-2001, yang telah memberi serta mencurahkan terlalu banyak ilmu pengetahuan kepada penulis. Kepada Dr. Fauziah Hj Mohd Hasan, terima kasih kerana meminjamkan buku

yang amat-amat penulis perlukan, En Munawar Abdul Jalil dan Ustaz Umar Tabii Abdullah, yang telah banyak membantu sehingga lengkap disertasi ini.

Penulis juga ingin merakamkan bacaan al-fatihah kepada ayahanda Omar yang baru sahaja kembali ke rahmatullah dan tak sempat melihat kejayaan ini, semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Selanjutnya jutaan terima kasih kepada bonda Noryah pendorong utama bagi penulis, suami tersayang dan anak-anak Abdul Rahman, Abdul Hadi, Rabiatul Adawiah, Abdul Muhaimin, Abdul Hakim, Wan Anis Sakinah dan Wan Anis Solehah, yang terlalu banyak berkorban demi kejayaan ummi mereka, kepada abang Jamal, kak Nan, abang Ramli dan kak Yam, Aeida, adik-adik serta ahli keluarga yang lain, hanya Allah sahaja yang dapat membalas bantuan yang telah banyak kalian hulurkan.

Kepada pustakawan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam serta kakitangan bukan akademi di Akademi Pengajian Islam, penulis ucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Semoga kerja yang dedikasi itu tetap diteruskan.

SHARIFAH ANOM BINTI OMAR

NO. 13, LOT 7047, LORONG MENGGRIS 2 A,

TAMAN SERIRA, 93050 PETRA JAYA,

KUCHING, SARAWAK

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ء	a, '(Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ

ظ	z
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal Panjang

آ	ā
و	ū
ى	ī

Vokal Pendek

اَ	(fathah)	a
اُ	(dhammah)	u
اِ	(kasrah)	i

Diftong

أَوْ : aw

أَيَّ : ay

يَّ : i y/i

وَّ : uww

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Peta Kepulauan Maluku

Lampiran B

Peta Pulau Ambon

Lampiran C

Senarai individu yang telah ditemubual oleh penulis.

SENARAI JADUAL

Jadual 1

Jadual Pembahagian Wilayah-wilayah di Kepulauan Maluku

SENARAI KEPENDEKAN

En.	=	Encik
GPM	=	Gereja Protestant Maluku
IMF	=	International Monetary Fund
Jil	=	jilid
KMB	=	Kongres Meja Bulat
MERCY	=	Pertubuhan Bantuan Perubatan Malaysia
NGO	=	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NIT	=	Negara Indonesia Timur
NKRI	=	Negara Kesatuan Republik Indonesia
PBB	=	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDI-P	=	Parti Demokratik Indonesia – Perjuangan
PIM	=	Parti Indonesia Merdeka
PPI	=	Persatuan Pemuda Indonesia
RIS	=	Republik Indonesia Serikat
RMS	=	Republik Maluku Selatan
s.a.w	=	ṣallālahu ‘alaihi wa salām
s.w.t	=	subhanahū wā ta‘ala
Sdn. Bhd	=	Sendirian Berhad
SMTA	=	Sekolah Menengah Tahap Atas
SMTP	=	Sekolah Menengah Tahap Pertengahan
TNI	=	Tenteri Nasional Indonesia
UUD	=	Undang-undang Dasar
WIT	=	Waktu Indonesia Timur

KANDUNGAN

	Muka surat
Halaman tajuk	i
Halaman Pengesahan	ii
Abstrak	iii
Abstrack	iv
ملحظ	v
Penghargaan	vi
Transliterasi	viii
Senarai Lampiran	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Kependekan	xiii
Isi Kandungan	xiv
Pendahuluan	xviii

BAB 1 : TEORI HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM

1.1	Pendahuluan	1
1.1.1	Definisi Hak	2
1.1.2	Definisi Hak Asasi Manusia Dalam Islam	5
1.2	Jenis-jenis Hak Dalam Islam	7
1.3	Sejarah Kelahiran Hak Asasi Manusia Dalam Islam	9
1.4	Tujuan dan Matlamat Hak Asasi Manusia Dalam Islam	14

1.5	Sumber Hak Asasi Manusia Dalam Islam	15
1.6	Prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia Dalam Islam	21
1.6.1	Konsep Persamaan Menurut Hak Asasi Islam	23
1.6.2	Konsep Kebebasan Menurut Hak Asasi Islam	39
1.6.3	Konsep Keadilan Menurut Hak Asasi Islam	43
1.6.4	Konsep Perlindungan menurut Hak Asasi Islam	49
1.7	Perbandingan Hak Asasi Manusia Barat/ Moden	51

BAB 2 : LATARBELAKANG DAN SEJARAH KEPULAUAN MALUKU

2.1	Pendahuluan	62
2.2	Latarbelakang Kepulauan Maluku	63
2.2.1	Pembagian Wilayah-wilayah di Maluku	66
2.3	Penduduk Maluku	71
2.4	Kegiatan Perekonomian di Maluku	74
2.5	Kegiatan Keagamaan di Maluku	76
2.6	Nilai-nilai Budaya	83
2.7	Kegiatan Pendidikan di Maluku	85
2.8	Sejarah Wilayah Maluku	86
2.9	Situasi Politik Maluku	89
2.10	Sejarah Berlakunya Konflik di Maluku	93
2.11	Sebab-sebab Awal Terjadinya Konflik dan Rusuhan	94

BAB 3: PENCEROBOHAN HAK ASASI MANUSIA DI MALUKU

3.1	Pendahuluan	102
3.2	Bermulanya Konflik Agama di Maluku	104
3.3	Pihak-pihak yang Terlibat dengan konflik	112
3.4	Sebab-sebab Berlakunya Konflik di Maluku	114
3.5	Antara Pencerobohan Hak Asasi Manusia di Ambon, Maluku	123
3.5.1	Pencerobohan Politik	123
3.5.2	Pencerobohan Sosial	126
3.6	Pencerobohan Hak Asasi Manusia semasa Proses Perjanjian Damai	129
3.7	Kesan Pencerobohan Hak Asasi Manusia di Ambon, Maluku	132

BAB 4 : RUMUSAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN HAK ASASI MANUSIA DI MALUKU BERDASARKAN SIASAH SYAR'IIYAH

4.1	Pendahuluan	145
4.2	Rumusan dan Kesimpulan	146
4.3	Cadangan Penyelesaiannya Menurut Siasah Syar'iiyah	154
	Bibliografi	169
	Lampiran	176

PENDAHULUAN

LATARBELAKANG MASALAH

Dewasa ini kita dapati bahawa masalah pencerobohan hak asasi manusia menjadi suatu perkara yang lumrah didengari, samada ianya berlaku di negara-negara kecil mahupun di negara dunia pertama. Pencerobohan ini tidak mengira bangsa, agama mahupun negara, namun yang paling ketara sekali ialah hak asasi umat Islam semakin terancam dan terabai. Ia seperti tidak dipedulikan oleh semua pihak, samada oleh masyarakat dunia mahupun umat Islam sendiri.

Pencerobohan hak asasi manusia yang melibatkan umat Islam adalah sangat dahsyat, antaranya yang melibatkan umat Islam di Palestin, Afghanistan, Bosnia Herzegovina, Chechnya, Kashmir, Aceh dan kini beralih pula ke Kepulauan Maluku. Di Maluku, hak asasi ini diancam kerana wujudnya persengketaan puak dan konflik agama. Kesannya pencerobohan ini telah mengakibatkan ramai rakyat terkorban, harta benda musnah, penduduk menjadi penghuni penempatan pelarian dan anak-anak kecil kehilangan masa depannya.

Dengan pencerobohan ke atas umat Islam yang tidak berkesudahan inilah, mendorong penulis untuk mengkaji punca serta kesan pencerobohan hak asasi manusia di Ambon, Maluku kerana ianya terletak di persekitaran

Nusantara, di samping ianya mempunyai rumpun bangsa dan budaya yang sama dengan masyarakat Malaysia, bahkan ia adalah satu kepulauan yang paling dekat dengan negara kita Malaysia. Faktor-faktor inilah yang menarik minat penulis meneliti urutan kejadian pencerobohan itu.

Selain daripada itu belum ada lagi, satu kajian ilmiah khusus yang pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji, mengenai peristiwa berdarah di Ambon ini. Kajian-kajian ilmiah yang ada setakat ini, banyak tertumpu kepada negara-negara dunia ketiga dan daerah-daerah lain sebagaimana yang telah disebutkan terdahulu. Oleh itu, penulis rasakan perlu dibuat kajian terperinci, keatas punca dan kesan konflik tersebut. Agar pihak-pihak tertentu dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi menghentikan konflik yang berlaku.

Banyak pendedahan telah dibuat oleh pihak media, berkenaan pencerobohan yang berlaku di daerah-daerah lain di Indonesia seperti Aceh dan Timor Timur, namun tidak banyak pendedahan dilakukan ke atas pencabulan hak asasi manusia di Kepulauan Maluku. Bahkan ada pihak-pihak tertentu yang cuba menyembunyikan wujudnya peristiwa tersebut. Apabila tiada laporan media secara meluas dilakukan, maka bantuan kemanusiaan tidak dapat disalurkan sebaik mungkin, yang adapun tidak dapat menampung keperluan seluruh penghuni penempatan pelarian. Penderitaan pelarian sebagai mangsa persengketaan tidak mendapat pembelaan. Kehidupan mereka semakin tersempit dan peluang untuk membina hidup baru, semakin samar.

MASALAH PENYELIDIKAN

Dalam penyelidikan ini, penulis berharap dapat menyelami dan menghuraikan apakah sebenarnya punca dan bagaimana berlakunya pertentangan di antara penganut dua agama terbesar iaitu Islam dan Kristian di Ambon, Maluku sehingga berlakunya pencerobohan terhadap hak asasi manusia di Indonesia. Sedangkan selama ini, masyarakat dunia mengenali Indonesia sebuah negara yang mempunyai penduduk yang memiliki toleransi yang tinggi di antara pelbagai penganut agama.

Masalah kedua yang ingin dilihat oleh penulis ialah sejauhmanakah hak asasi penduduk Maluku, sebagaimana yang terdapat di dalam undang-undang Indonesia, telah dicabuli. Ini kerana di dalam undang-undang pancasila, terdapat beberapa peruntukan yang mengakui hak asasi manusia supaya dihormati dan tidak dicabuli. Antara peruntukan tersebut ialah dalam pancasila kedua disebutkan Kemanusiaan yang adil dan beradab serta peruntukan kelima iaitu Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia. Dari kedua-dua peruntukan tersebut nyata bahawa prinsip hak asasi manusia terkandung di dalam pancasila yang diamalkan di Indonesia. Bahkan Indonesia merupakan salah sebuah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang secara jelas telah mengisytiharkan Deklarasi Hak Asasi Manusia tahun 1948.

Dan yang paling penting sekali ialah apakah kesan pencerobohan itu kepada penduduk Maluku dan bagaimanakah jalan penyelesaian terbaik yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang terlibat, agar dapat menghentikan segera pencerobohan yang berlaku sekitar tahun-tahun 1999 hingga kini.

TUJUAN DAN OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Penulis telah memilih kajian ini dengan tujuan untuk:

1. Meneliti teori hak dan kebebasan manusia menurut perspektif Islam.
2. Meneliti praktikaliti hak asasi manusia yang diamalkan oleh masyarakat Maluku.
3. Menganalisis sebab-sebab dan kesan berlakunya pencerobohan hak asasi manusia di Maluku.
4. Membuktikan bahawa hak asasi manusia dalam Islam adalah jauh lebih baik dan kegagalan deklarasi antarabangsa dalam menangani masalah hak asasi manusia.

HIPOTESIS

Pertama: Konflik ini merupakan konflik agama antara penganut agama Islam dan Kristian dan bukannya pertentangan sesama puak. Kesemuanya berpunca dari keinginan pihak Kristian untuk menjadikan Kepulauan Maluku sebagai sebuah negara Kristian yang bebas dari Kesatuan Republik Indonesia.

Kedua: Penceroohan hak asasi manusia memang telah berlaku di Kepulauan Maluku, yang menyebabkan kerugian dari segi harta benda, kehilangan nyawa, gangguan emosi dan ketidaktenteraman dalam kehidupan sosial masyarakat setempat, di samping wujudnya beribu-ribu pelarian yang terpaksa meninggalkan rumah dan kampung halaman ke penempatan pelarian.

Ketiga: Penceroohan hak di Maluku merupakan suatu yang bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia dalam Islam serta amalan pancasila di Indonesia.

KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Antara kepentingan penyelidikan ini ialah:

1. Memberi gambaran apakah sebenarnya yang berlaku di Maluku.

2. Mendedahkan bahawa di sana terdapat konflik yang perlu kepada penyelesaian segera, agar kebajikan pihak-pihak yang menjadi mangsa terbela, terutama golongan yang lemah seperti golongan wanita, kanak-kanak dan orang tua. Sehubungan dengan itu, juga mengajak pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia, menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan.

3. Mencadangkan usaha-usaha perdamaian dan penyelesaian.

SKOP PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini dilakukan di Daerah Kepulauan Maluku, Indonesia. Oleh kerana Daerah Kepulauan Maluku merupakan satu wilayah yang luas dan memiliki 1027 buah pulau-pulau di bawahnya, maka penulis telah menyempitkan skop daerah penyelidikan ini, hanya di Ibukota Ambon sahaja, sebagai ibukota bagi Kepulauan Maluku. Ini kerana daerah ini merupakan daerah paling terbaru terjadinya pencerobohan hak asasi manusia kepada rakyat setempat yang bermula pada 19 Januari 1999 hingga kini. Dari keseluruhan daerah di Kepulauan Maluku yang terlibat dalam konflik, persengketaan yang berlaku di Ibukota Ambon masih belum reda bahkan terlalu sukar untuk diramalkan apa yang bakal berlaku selanjutnya, sedangkan daerah-daerah lainnya seperti Maluku Tenggara dan Maluku Utara terdapat

sedikit kemajuan dalam perundingan yang dijalankan di antara pihak-pihak yang berbalah.

Di samping itu, penulis akan hanya mengkaji pencerobohan hak asasi manusia dari aspek politik dan sosial yang melibatkan aspek hak untuk hidup, hak untuk mendapatkan keamanan hidup, hak kehormatan diri dan hak mendapatkan pendidikan serta kesan pencerobohan dan cara penyelesaian bagi mengatasi dan menyelesaikan persoalan yang timbul. Penulis berharap penyelidikan ini akan memperdalam permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Ambon dalam konflik kemanusiaan ini.

REVIEW KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Setelah mengadakan beberapa penelitian, di dapati skop kajian yang hendak di buat merupakan tajuk yang belum dikaji atau mungkin dalam proses kajian khususnya oleh mahasiswa Universiti Malaya. Penulis yakin ini adalah kerana isu ini masih baru iaitu sekitar 1999. Namun, penulisan-penulisan buku dan makalah-makalah ringan atau bukan akademik boleh diperolehi. Antaranya tulisan-tulisan dalam majalah *Impact International*, *Asian Survey* dan *Majalah Muslimah*.

Manakala kajian tentang teori hak asasi Islam tanpa *empirical study* itu banyak ditulis dalam tesis-tesis antaranya, latihan ilmiah yang telah ditulis di Akademi Pengajian Islam oleh Wan Anuar Yaacob bertajuk "**Hak asasi**

manusia dalam peruntukan perlembagaan Malaysia: satu penilaian menurut Islam", tahun 1992, Mohd Sharif Mohammad Yaakob bertajuk "*Hak asasi manusia dalam Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian mengenai kebebasan bersuara mengikut Islam*", tahun 1995 dan Wan Salwati Wan Yusoff bertajuk "*Hak politik non Muslim dalam negara Islam: Satu pendekatan di Malaysia*," tahun 1997.

Selain daripada kajian yang ditulis oleh mahasiswa Akademi Pengajian Islam, terdapat juga kajian yang telah dibuat mengenai pencabulan hak asasi manusia yang ditulis oleh pelajar-pelajar di bawah Rancangan Pengajian Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial ini, bertempat di beberapa negara di dunia seperti Nigeria ditulis oleh Ho Lee Yong pada tahun 1999, Kaliammal Shumugam menulis latihan ilmiah dengan tajuk, "*Bosnia Herzegovina: Pencabulan Hak Asasi Manusia dan Politik Antarabangsa*" juga pada tahun 1999, di Turki, ditulis oleh Lee Jun Heung tahun yang sama dan Lee Joo Yen menulis dengan tajuk "*Myanmar 1988-1997: Pergolakan politik dan isu hak asasi manusia*" tahun 1998. Namun kajian mereka tidak menyentuh mengenai asas hak asasi manusia dalam Islam dan tidak di Daerah Maluku. Kesemua kajian di atas adalah diperingkat Ijazah Sarjana Muda, manakala di peringkat Kedoktoran (Ph.D), Nabil Jamiel Fareed telah menulis tesisnya di Washington State University, bertajuk "*The United Nation Commission on Human Rights and Its Works For Human Rights and Fundamental Freedom*" yang ditulis pada tahun 1978.

Selain daripada kajian-kajian ilmiah di atas, terdapat banyak buku-buku bahasa arab yang menulis mengenai hak asasi manusia ini samada secara khusus mahupun secara umum sahaja, contohnya Subhi Rajab al Mahmassānī, iaitu *Arkān Huqūq al-Insān fī al-Islām*, tahun 1979 dan Wahbah al Zuhayli dengan *al-'Alāqāt al Dawliyyah fī al- Islām* tahun 1981.

Di samping buku-buku arab, terdapat juga buku-buku bahasa Inggeris yang mengupas bidang tajuk yang sama seperti buku-buku tulisan Mohammad Hashim Kamali iaitu *Freedom, Equaliti and Justice in Islam* tahun 1999 serta *Freedom of Expression in Islam* tahun 1994 dan buku tulisan Dr Sheikh Showkat Hussain bertajuk *Islam and Human Rights* tahun 1991. Buku-buku tulisan tempatan juga boleh didapati seperti buku tulisan Mohd Akhir Hj Yaacob bertajuk *Hak Asasi Manusia Menurut Islam* tahun 1985 dan Abdul Monir Yaacob dengan *Hak Asasi Manusia Menurut Islam, Sejarah dan Konsepnya* tahun 1986.

Berdasarkan maklumat-maklumat di atas, penulis dapati bahawa bidang hak asasi manusia adalah amat luas dan masih terdapat banyak lagi bidang yang hanya disentuh secara ringkas sahaja oleh sesetengah penulis dan kebanyakan penulis memilih untuk menulis bahagian-bahagian tertentu sahaja dari keseluruhan hak asasi manusia itu. Bahkan, penulis dapati belum ada kajian ilmiah mengenai pencerobohan hak asasi manusia yang terjadi di Maluku dilakukan oleh mana-mana penulis.

Oleh itu penulis merasakan amat perlu untuk dilakukan penyelidikan yang lebih menyeluruh tentang hak asasi manusia menurut Islam dengan melihat pengamalannya serta pencerobohan yang berlaku kepada masyarakat di Kepulauan Maluku, Indonesia.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi dianggap sebagai satu falsafah dalam proses penyelidikan. Ia meliputi andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar dan alasan penyelidikan serta ukuran ataupun kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan.

Dalam membuat penyelidikan ini, penulis akan menggunakan beberapa metod penyelidikan iaitu:

1. Metod penentuan subjek
2. Metod pengumpulan data
3. Metod analisis data

A. Metod Penentuan Subjek

Penulis menggunakan metod sampling di dalam menentukan subjek kajian. Ini kerana penulis tidak mungkin dapat mengambil semua data yang berkaitan kerana terdapat banyaknya tempat kajian yang terlibat dengan permasalahan terbabit. Subjek yang menjadi kajian utama penulis ialah daerah

ibukota Ambon, Wilayah Maluku di Indonesia. Penulis mengambil ibukota Ambon sebagai sample kerana Ambon merupakan ibukota Maluku yang terletak di Pulau Ambon, ia termasuk dalam wilayah Maluku Tengah yang terdiri daripada Ambon, Seram, Saparua dan Buru. Manakala konflik yang berlaku di Ambon merupakan antara konflik yang paling awal terjadi di keseluruhan Wilayah Maluku. Ia kemudiannya melarat hingga ke daerah-daerah lain seperti Maluku Tenggara dan Maluku Utara.

B. Metod Pengumpulan Data

Pengumpulan data dan maklumat bagi tujuan penyelidikan ini akan dilakukan oleh penulis dengan beberapa cara iaitu:

1. Penyelidikan Perpustakaan
2. Penyelidikan lapangan

a) Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini amat penting dalam mengumpul data terutama untuk bab pertama hingga keempat. Di mana, penulis akan mengkaji data-data mengenai hak asasi manusia secara konsepnya menurut Islam daripada buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan. Selain daripada itu penulis juga akan mengkaji mengenai piagam-piagam dan perisytiharan-perisytiharan hak asasi manusia yang di amalkan di dunia hari ini sebagai satu cara perbandingan. Penulis akan membaca buku-buku berkaitan sejarah Kepulauan Maluku

sebagai panduan kepada penulis untuk mengetahui sejarah dan latarbelakang masyarakat dan kebudayaannya. Untuk itu penulis akan mengunjungi perpustakaan-perpustakaan utama seperti:

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- c) Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya
- d) Perpustakaan Majalah Universiti Malaya
- e) Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur
- f) Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur
- g) Perpustakaan Utama Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
- h) Perpustakaan Awam Shah Alam
- i) Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa, Gombak

b) Penyelidikan Lapangan

Dalam penyelidikan lapangan pula, penulis akan mengumpulkan data dan maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan beberapa metod iaitu:

I. Metod Wawancara

Metod wawancara adalah suatu metod yang digunakan untuk mendapatkan keterangan secara lisan dari responden dengan bercakap-cakap secara berhadapan. Metod ini merupakan pembantu utama kepada metod dokumentasi. Penulis akan menggunakan metod wawancara ini bagi

- b) Persatuan Pelajar-pelajar Indonesia di Malaysia dan anggota pertubuhan-pertubuhan Indonesia yang mempunyai perkaitan langsung dengan konflik yang berlaku.
- c) Pensyarah-pensyarah Indonesia yang menjadi tenaga pengajar di Universiti-universiti tempatan yang mengetahui latar belakang Maluku dan keadaan sebenar yang berlaku

II. Metod Historis

Metod Historis adalah satu proses untuk menentukan adanya suatu pendapat yang tepat mengenai kajian. Metod ini akan digunakan dengan tujuan mendapatkan nilai-nilai sejarah kepada subjek kajian atau penyelidikan dan ia akan digunakan oleh penulis dalam Bab 2 bagi menyatakan latarbelakang masalah dengan menceritakan sejarah penjajahan dan Daerah Maluku dan sejarah awal terjadinya pencerobohan hak asasi manusia di Maluku. Selain daripada itu, metod ini digunakan bagi mencari perkaitan di antara sejarah dan konflik yang berlaku.

III. Metod Dokumentasi

Metod ini adalah satu cara pengumpulan data dengan cara mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang diselidiki. Kaedah

mendapatkan data-data yang diperlukan oleh penulis terutama yang menyentuh mengenai masalah kajian. Penulis juga akan menggunakan metod ini untuk memperbandingkan data-data dokumentari dengan penemuan dari individu-individu yang diwawancara nanti. Ianya juga bagi membantu mendapatkan gambaran sebenar tentang apakah yang berlaku, dari orang yang terlibat secara langsung dengan kajian penulis.

Penulis menggunakan satu sahaja metod wawancara iaitu metod secara formal dengan responden. Di mana, penulis membuat temu janji dengan responden dan dalam temujanji itu penulis mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan seperti, bila berlakunya konflik, apakah punca konflik, siapakah pihak-pihak yang terlibat, apakah bentuk pencerobohan yang berlaku, kesan pencerobohan dan cadangan penyelesaian yang boleh dilakukan. Di samping itu, penulis juga akan membuat temubual ringkas dengan beberapa responden yang terlibat dengan mengemukakan sebahagian daripada soalan-soalan yang di atas. Metod ini penulis gunakan secara khusus untuk bab ketiga dan empat.

Untuk itu, penulis akan mengadakan wawancara dengan individu-individu dan badan-badan yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dengan subjek penyelidikan seperti:¹

- a) Anggota Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY)

¹ Lihat lampiran C.

yang digunakan bagi tujuan awal ini adalah untuk membuat penyelidikan terhadap sesuatu perkara yang hendak dikaji. Dokumen-dokumen yang akan digunakan oleh penulis dalam penyelidikan ini ialah ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah, majalah seperti Majalah Muslimah Jun 2000, *Impact International*, *Asian Survey*, *The World Today* dan Majalah *Anis*, surat khabar yang digunakan oleh penulis ialah Berita Harian dan Utusan Malaysia, kertas-kertas kerja dari Kongres Ulama' Asia Tenggara mengenai Hak Asasi Manusia pada 23-24hb, Jun 2001 dan risalah seperti Pamflet Tabung Amanah Anak-anak Yatim dan Miskin Nusantara di Malaysia. Penulis juga menggunakan kemudahan internet bagi mencari data-data terkini serta data-data lain yang penulis perlukan. Antara laman-laman web yang banyak penulis gunakan sebagai rujukan ialah laman web Dompok Sosial Ummul Quro, <http://www.dsuoq.or.id/content/maluku/sejarah1.html>, Pos Keadilan Peduli Umat, Parti Keadilan Indonesia, <http://www.geocities.com/capeCanaveral/Hall/5557/ambon2.html>, Human Rights Watch, <http://www.hrw.org/campaigns/indonesia/moluccas.html>, dan The age.com.au, <http://www.theage.com.au/news/20000621/A22220-2000Jun20.html>.

C. Metod Analisis Data

Apabila data-data yang diperlukan telah terkumpul melalui metod-metod yang digunakan, maka penulis akan membuat olahan serta rumusan dan

menganalisisnya dengan menggunakan metod analisis data. Penulis akan menggunakan metod-metod berikut:

- a. Metod Induktif
- b. Metod Deduktif
- c. Metod Komparatif

Metod Induktif

Metod induktif adalah satu cara penganalisan data melalui pola berfikir yang mencari bukti dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metod ini akan digunakan oleh penulis dalam menghuraikan kesemua bahagian dalam penyelidikan ini. Contohnya dalam Bab 1, penulis menggunakan kaaedah ini dalam meneliti ayat-ayat Al-Quran dan al-Sunnah untuk membuktikan bahawa Islam memberikan hak asasi manusia yang sebaiknya kepada seluruh umat manusia, tanpa mengira agama, bangsa mahupun negara.

Metod deduktif

Metod deduktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil umum kepada dalil-dalil yang khusus. Penulis akan menggunakan metod ini dalam menghuraikan perumusan masalah, contohnya dalam Bab 3 kerana penulis akan mengkaji segala data yang didapati hasil dari wawancara, dokumentasi dan historis untuk membuat kesimpulan tentang

apakah yang sebenarnya berlaku di Daerah Ibukota Ambon serta kesan pencerobohan hak asasi manusia kepada penduduk setempat.

Metod Komparatif

Metod Komparatif adalah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan kepada data-data yang didapati, untuk mengeluarkan satu kesimpulan yang dianggap paling wajar dan relevan. Segala data, pendapat dan fakta dikumpulkan dan dibuat perbandingan serta kesimpulan. Paling penting semua fakta akan dibandingkan secara saksama. Daripada perbandingan dan pertimbangan tersebut dibuat satu kesimpulan. Contohnya metod ini akan digunakan dalam Bab 3 di mana penulis akan membandingkan segala fakta dan data dari sumber pengumpulan data, samada dari wawancara, internet dan buku, kemudian penulis akan membuat kesimpulan tentang sebab berlakunya konflik di Ambon, apakah bentuk-bentuk pencerobohan yang telah dilakukan kepada penduduk setempat dan akhir sekali apakah kesan pencerobohan hak asasi manusia begitu juga penulis akan membuat kesimpulan dan rumusan secara keseluruhan bab dalam Bab 4 menggunakan metod ini.